

Anda perlu menjadi pemimpin untuk mengurus !
Bahagian 1 / 3



Dr. Ali Qassem

www.aliqasseminternational.com

Dalam Persidangan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) 2009 yang bertajuk “Strategi Pembangunan Sumber Manusia Dalam Krisis Ekonomi Global”, salah seorang penceramah telah menyatakan bahawa, “Organisasi yang ingin berkembang maju dan berjaya harus berubah daripada pengurusan kepada kepimpinan.”

Namun, saya tidak bersetuju dengan pendapat beliau. Kami telah berbincang dan penceramah itu bersetuju dengan pandangan saya. Saya tidak bersetuju dengan beliau atau mana-mana pihak yang berkata sedemikian. Ini adalah kerana kemahiran pengurusan dan kemahiran kepimpinan adalah dua perkara yang berbeza. Walau bagaimanapun, kedua-dua kemahiran itu tidak dapat dipisahkan dan kedua-duanya diperlukan untuk kejayaan sesebuah organisasi.

Harvard Business Review 2006 menerangkan pengurusan sebagai, “proses panduan, mengarah dan mengawal bagi tujuan mencapai sasaran secara efektif bersama dan melalui orang lain.”

Kepimpinan pula, seperti yang didefinisikan dalam kamus dan golongan cendekiawan sebagai, “proses pengaruh sosial di mana seseorang atau sekumpulan orang boleh meminta bantuan dan sokongan orang lain dalam menyempurnakan satu tugas,” dan “pada dasarnya ia adalah untuk mewujudkan cara bagaimana orang dapat memberi sumbangan serta melaksanakan sesuatu dengan cara yang menakjubkan.”

Peter Ferdinand Drucker, orang yang mencipta pengurusan, menerangkan kepimpinan sebagai, "keupayaan, kemahiran untuk mencapai sasaran bersama dan melalui kerjasama secara sukarela dari orang lain; manakala mendapatkan keyakinan, penghormatan dan kesetiaan mereka."

Warren Gamaliel Bennis, seorang cendekiawan Amerika, dan juga seorang penulis yang dikaitkan secara meluas sebagai sebagai pelopor bidang kajian daya kepimpinan kontemporari, berkata, "Pengurusan adalah meminta orang melakukan apa yang patut dilakukan. Kepimpinan adalah meminta orang ingin melakukan apa yang patut dilakukan." Pengurus menolak; pemimpin menarik; pengurus memberi arahan; pemimpin berkomunikasi.

Pengurusan fokus dalam aktiviti kerja yang melibatkan perancangan, menganjurkan, membuat anggaran, kerta kerja, masa pengawalan, penyelarasan, strategi, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

Kesemua itu tidak mencukupi untuk membawa kepada kejayaan organisasi. Organisasi seharusnya mampu adaptasi dengan perubahan yang drastik (positif atau negatif) dan perkembangan. Dengan itu, mereka memerlukan kepimpinan yang kukuh untuk mempengaruhi, menetapkan arah tuju, kaunseling, melatih, penyelarasan, mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan membantu tenaga pekerja untuk terus berkembang serta seiring jalan dengan perubahan.

Pengurusan adalah bidang sains yang boleh dipelajari oleh kebanyakan orang dan menjadi pengurus. Kepimpinan adalah bidang seni yang tidak dapat dikuasai oleh semua, yang bukan dalam gen seseorang; ianya adalah satu set amalan yang boleh diamati dan dipelajari.

Sebuah organisasi yang berjaya tidak boleh mengeneipkan kepimpinan dan pengurusan. Organisasi memerlukan kuasa formal iaitu pengurusan. Pengurusan memerlukan kuasa moral iaitu kepimpinan.

Harold Geneen, penulis buku "*Managing*" serta pengerusi merangkap CEO *International Telephone and Telegraph Corporation (ITT)*, mengatakan, "kepimpinan adalah jiwa raga dalam pengurusan perniagaan... Anda tidak boleh mengurus hanya dengan menyusun semula carta organisasi, bermain dengan angka atau memadankan dengan formula bisnes terbaru. Apa yang anda mengurus adalah manusia (dengan memimpin mereka). Kemahiran itulah yang menjadi resipi kejayaan perniagaan."

Dalam kenyataan tersebut, Harold Geneen menunjukkan perbezaan antara kemahiran pengurusan dan kemahiran kepimpinan. Apa yang dimaksudkan oleh beliau adalah kedua-dua kemahiran tersebut adalah diperlukan untuk membawa kejayaan organisasi. Anda perlu menguasai kemahiran kepimpinan untuk mempengaruhi orang supaya mereka akur dengan anda. Kemahiran teknikal yang anda miliki tidak dapat memimpin orang lain.

Anda boleh menjadi akauntan, jurutera, peguam, doktor, saintis yang terbaik, tetapi itu tidak bermaksud anda mampu memimpin satu pasukan untuk mencapai sasaran, melainkan anda adalah seorang pemimpin yang efektif. Jika anda adalah seorang pemimpin yang efektif dan ditambah pula dengan kemahiran teknikal yang tinggi, anda bukan sahaja dapat mencapai sasaran, malahan anda dapat membantu pasukan anda untuk mempelajari dan berkembang dan seterusnya mereka akan menyokong anda.

Kepimpinan yang efektif bermula dengan kepercayaan, yang datang dari sifat terus terang, kejujuran dan penghormatan. Adalah mustahil untuk memimpin sesiapa sahaja yang tidak menaruh kepercayaan.

Saya percaya anda tidak akan menyokong orang yang anda tidak percaya atau orang yang mengambil kesempatan ke atas anda. Keberkesanan anda sebagai seorang pemimpin bergantung kepada keupayaan anda mendapatkan kepercayaan penuh daripada orang yang menyokong anda.

Terdapat ribuan buku tentang kepimpinan dan bagaimana menjadi seorang pemimpin yang efektif. Namun, ramai orang mempunyai kekurangan dalam kemahiran ini. Ini mungkin kerana mereka tidak membaca buku-buku yang sedemikian atau mereka tidak menggunakan maklumat dalam buku-buku tersebut.

Bersambung...